

## Melaka: Geografi dan Alam Sekitar Berdasarkan Teks Sejarah Melayu Ras Raffles Malay 18

*Malacca: Geography and Environment Based on the Malay Historical Text Ras Raffles Malay 18*

MOHD TARMIZI MAHIDIN, ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA & 'AISYAH KAMARUDDIN

### ABSTRAK

*Manuskrip Sejarah Melayu RAS Raffles Malay 18 merupakan antara versi Sejarah Melayu terawal dan dikarang atau disalin sekitar tahun 1612. Teks ini menggambarkan Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan yang gah dan pesat membangun. Proses pembangunan ini sudah tentu melibatkan interaksi antara manusia dan persekitarannya iaitu manusia perlu beradaptasi dengan persekitaran yang baharu diteroka. Kajian pustaka berkaitan teks Sejarah Melayu kebiasaannya menumpukan terhadap bidang sastera, politik, undang-undang dan sejarah. Isu berkaitan geografi dan alam sekitar masih kurang diketengahkan. Justeru itu, objektif kertas ini ialah untuk mengetengahkan isu-isu berkaitan geografi dan alam sekitar seperti yang digambarkan oleh teks. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, kajian teks manuskrip Sejarah Melayu RAS Raffles Malay 18 dan kajian pustaka. Sumber-sumber sekunder yang lain seperti buku-buku sejarah. Berdasarkan kajian, didapati bahawa Tun Sri Lanang telah menggambarkan tentang geografi Melaka seperti keadaan hutan, gunung-ganang dan sebagainya secara langsung dan tidak langsung dalam penulisannya. Gambaran mengenai populasi dan penempatan pula agak jelas manakala isu berkaitan pertanian pula kurang diberikan perhatian. Istilah yang digunakan bagi penentuan jarak adalah bersifat subjektif. Manakala bagi arah mata angin, istilah seperti 'atas angin' dan 'bawah angin' lebih menjadi pilihan berbanding istilah yang formal seperti barat dan timur.*

*Kata Kunci: Melaka; RAS Raffles Malay 18; Sejarah Melayu; Geografi; Tun Sri Lanang.*

### ABSTRACT

*The Malay historical manuscripts of RAS Raffles Malay 18 is one of earliest versions of the Sejarah Melayu. It was composed or copied around 1612. This text describes the Malay Sultanate of Malacca as a powerful and rapidly developing kingdom. This development process certainly involves the interaction between human and their environment where human need to adapt to the newly explored environment. Literary, studies related to the Sejarah Melayu text usually focus on the fields of literature, politics, law and history. Issues related to geography and environment are still underrepresented. Therefore, the objective of this paper is to highlight issues related to geography and the environment as depicted by the text. This study uses qualitative methods, document analysis and literature research. Based on the study, it was found that Tun Sri Lanang had directly and indirectly described the geography of Malacca such as the conditions of forests, mountains and others in his writing. The description of the population and settlements is quite clear while issues related to agriculture are given less attention. The terms used to determine distance are subjective. Meanwhile, for wind direction, term such as "upwind" and "downwind" are preferred over formal terms such as west and east.*

*Keywords: Malacca; RAS Raffles Malay 18; Sejarah Melayu; Geography; Tun Sri Lanang*

### PENGENALAN

Teks Sejarah Melayu Ras Raffles Malay 18 (hanya disebut Sejarah Melayu selepas ini) mengandungi dan memberikan banyak maklumat mengenai kerajaan-kerajaan Melayu silam yang pernah wujud di alam Melayu. Antara kerajaan Melayu yang masyhur ialah Kesultanan Melayu Melaka yang

merupakan fokus utama naskhah tersebut. Sebagai sebuah Karya Agung Melayu, Sejarah Melayu telah menarik minat ramai pengkaji untuk menilai dan juga mengkritik isi kandungannya dari pelbagai sudut disiplin ilmu termasuk sejarah, sastera, keagamaan, politik dan sebagainya.

Oleh itu, makalah akan mengetengahkan maklumat dan data berkenaan dengan geografi dan

alam di sekitar Melaka, yang boleh ditemui dalam teks Sejarah Melayu. Isu geografi dan alam sekitar ini dilihat masih jarang disentuh dan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya oleh para penyelidik sebelum ini. Isu yang disentuh termasuklah jenis hutan, bentuk muka bumi iaitu sungai, gunung-ganang, laut atau pantai dan cuaca. Topik seterusnya melibatkan populasi, penempatan dan juga pertanian. Akhir sekali menyentuh mengenai jarak dan juga arah mata angin yang digunakan masyarakat pada masa itu.

Menurut Whyte et al. (1983: 76): "*Melaka was founded at a point on the southwest coast of the Peninsula where the coastal plain that flanks its complex mountain spine attains a width of up to twenty miles*". Kedudukan Melaka juga begitu hampir dengan titik tersempit Selat Melaka iaitu paling hampir di antara Semenanjung Tanah Melayu iaitu Malaysia dengan Sumatera. Menurut teks yang dikaji, Selat Melaka ini dikenali sebagai Laut Melaka. Ini seperti yang tercatat dalam teks: "Setelah sudah lengkap maka Karaeng Semerluki pun datanglah ke Laut Melaka" (Tun Sri Lanang: 97). Keupayaan Melaka mengawal keselamatan selat ini terutama semasa era Laksamana Hang Tuah telah memberikan keyakinan kepada para pedagang untuk singgah berdagang di Melaka.

Bahagian daratan mempunyai bukit-bukau dikatakan dijadikan oleh raja/sultan Melaka sebagai tempat pertahanan sekiranya diserang oleh musuh. Bukit ini dikenali sebagai Bukit Melaka (*Melaka Hill*) (Andaya & Andaya 1982). Namun teks yang dikaji hampir tidak menyentuh mengenai kewujudan bukit ini. Seterusnya, sungai terbesar pula ialah Sungai Melaka. Terdapat juga sungai-sungai yang lebih kecil seperti Sungai Lendu, Sungai Baharu dan Sungai Linggi yang dikongsi bersama Negeri Sembilan. Di samping membekalkan air tawar kepada penduduk, sungai ini juga amat penting sebagai jalan pengangkutan. Sungai ini menghubungkan Melaka dengan jalan yang dikenali sebagai Penarikan, yang dapat menghubungkan ke Muar-Pahang, juga melalui jalan sungai. Tetapi Sungai Melaka ini dikatakan hanya digunakan oleh penduduk tempatan untuk masuk ke kawasan pedalaman dengan menggunakan perahu-perahu kecil kerana kelebaran sungai tersebut tidak begitu besar. Seterusnya cuaca di Melaka adalah seperti kebiasaan kawasan khatulistiwa yang lain iaitu mempunyai cuaca yang seragam, dengan kadar kelembapan yang tinggi dan taburan hujan yang tinggi (Andaya & Andaya 1982; Whyte et al. 1983).

Menurut teks, Sultan Iskandar Syah meninggalkan Singapura setelah ditewaskan oleh pihak Jawa lalu ke Muar. Namun baginda meneruskan perjalanan dan singgah di beberapa tempat sebelum menemui Melaka. Sebagai pemerintah yang sangat berpengalaman, faktor pemilihan Melaka adalah disebabkan kedudukan geografinya yang strategik, iaitu di tengah-tengah jalan perdagangan antara India dan China, pantainya terlindung dari angin kencang dan tiada pohon-pohon bakau, juga mempunyai kedalaman yang mencukupi bagi memudahkan kapal-kapal berlabuh. Di samping itu terdapatnya Sungai Melaka, yang menghubungkan kawasan pantai ke kawasan pedalaman. Kedudukan Melaka adalah strategik untuk bersaing dengan dua pelabuhan entrepôt yang telah masyhur pada ketika itu, iaitu Samudera-Pasai dan Aru yang kedua-duanya berada di utara Sumatera (Andaya & Andaya 1982).

Makalah ini tidak hanya menyentuh mengenai Melaka semata-mata. Beberapa contoh geografi di luar Melaka juga dibincangkan sebagai perbandingan dan bagi menunjukkan cara Tun Sri Lanang menggambarkan keadaan geografi dan alam sekitar.

## BAHAN DAN KAEDAH KAJIAN

Naskhah Sejarah Melayu mempunyai begitu banyak versi dan lokasinya berada di seluruh dunia. Oleh itu makalah ini hanya menggunakan salah satu dari versi tersebut yang dikenali sebagai Sejarah Melayu RAS Raffles Malay 18. Naskhah ini dikarang sekitar tahun 1612 oleh Tun Sri Lanang yang merupakan Bendahara Johor di atas titah Sultan Johor pada ketika itu. Naskhah ini tergolong dalam versi awal yang dikenali sebagai gugusan Pasir Raja (pusat pemerintahan Kesultanan Johor Lama). Naskhah ini kemudiannya dibawa pulang ke London oleh Stamford Raffles, (mungkin menjalani proses penyalinan, yang merupakan sesuatu yang lazim dalam bidang manuskrip) dan kemudian dihadiahkan oleh isterinya ke Perpustakaan Royal Asiatic Society selepas kematian beliau (Muhammad Salleh 2017).

Maklumat asas bagi Sejarah Melayu RAS Raffles Malay 18 adalah seperti berikut: lokasi naskhah ialah di Perpustakaan *Royal Asiatic Society* di London. Jumlah halaman sebanyak 203, ditulis di dalam tulisan Jawi klasik dan mempunyai 25 baris ayat per halaman (halaman normal) (RAS Raffles Malay 18).

Kajian ini menggunakan kaedah kajian pustaka dengan menganalisis inti sari teks. Sumber utama ialah teks Sejarah Melayu RAS Raffles Malay 18 itu sendiri, seperti yang diterangkan dalam tajuk makalah. Data-data yang diperolehi akan disokong oleh sumber-sumber sekunder yang lain seperti buku-buku sejarah. Teks perlu diteliti dan dianalisis secara tersurat dan tersirat kerana motif utama penyuratan Sejarah Melayu adalah untuk mengetengahkan ketokohan para raja/sultan Melaka (Sulastin 2008) dan bukanlah untuk mengetengahkan isu geografi dan alam sekitar.

Kajian ini bergantung sepenuhnya kepada versi transliterasi oleh Muhammad Salleh yang dihasilkan pada tahun 2017. Seterusnya, petikan langsung yang diambil akan dirujuk sebagai (Tun Sri Lanang 2017) sebagai penyurat/pengarang teks. Nombor yang diletakkan dalam rujukan bagi petikan langsung ialah nombor halaman teks, dan bukannya nombor muka surat versi transliterasi. Pemilihan versi Sejarah Melayu RAS Raffles Malay 18 ini adalah kerana versi transliterasi ini merupakan antara versi Sejarah Melayu yang terawal. Manakala teks Undang-Undang Melaka dijadikan sebagai rujukan silang.

Menyentuh sedikit mengenai kajian lepas berkaitan teks Sejarah Melayu Raffles Malay 18. Antaranya ialah versi transliterasi yang dilakukan oleh Muhammad Salleh. Dalam versi tersebut, Muhammad Salleh (2017) yang merupakan pengkaji naskhah tersebut telah menyentuh berbagai aspek berkaitan teks seperti filologi, sejarah dan sebagainya. Lama sebelum itu, Abdul Rahman Ismail (1998) telah merumikan teks Raffles Malay 18 yang bertujuan untuk memperbaiki usaha yang telah dilakukan oleh Winstedt pada tahun 1938.

Manakala kajian terdahulu yang paling relevan berkaitan makalah ini mungkin sebuah esei yang juga dihasilkan oleh Muhammad Salleh yang bertajuk "Tamadun Laut dan Sungai dalam Sulalat al-Salatin dan Hikayat Hang Tuah". Beliau berhujah bahawa kedua-dua teks memberikan gambaran "sebuah geografi yang basah" (Muhammad Salleh 2020: 178) yang bermaksud begitu banyak unsur air iaitu laut dan sungai digambarkan di dalam teks. Nordin (2008) menumpukan terhadap geografi dan perdagangan di Selat Melaka. Menurut beliau, keistimewaan Selat Melaka berbanding Laut Cina Selatan ialah kawasan ini lebih terlindung dari angin kencang dan telah menyumbang kepada kemasyhuran Melaka dalam bidang perdagangan laut. Oleh itu, makalah ini adalah sedikit berbeza

dari kajian terdahulu kerana lebih berfokuskan geografi dan alam sekitar secara lebih luas dan tidak hanya menyentuh mengenai perairan.

## GEOGRAFI MELAKA BERDASARKAN TEKS

Topik berkaitan geografi dan alam sekitar di Melaka boleh dibahagikan kepada beberapa tajuk kecil iaitu flora dan fauna, populasi, penempatan dan pertanian serta jarak dan arah mata angin.

### 1. Flora dan Fauna

Teks menceritakan bahawa kawasan pembukaan Melaka terletak tidak jauh dari pantai dan berada di pinggir Sungai Bertam. Semasa ketibaan Sultan Iskandar Syah dan rombongannya, kawasan tersebut masih dilitupi hutan tebal dan belum didiami oleh manusia secara tetap. "Maka Sultan Iskandar Syah pun | berjalan berbalik dari sana, terus ke tepi pantai, pada suatu sungai, Bertam namanya. Maka Sultan Iskandar Syah pun berdiri di bawah seponon kayu. Maka baginda pun berburu. Maka anjing diterajangkan oleh pelanduk putih" (Tun Sri Lanang 2017: 48-49) (tanda | menunjukkan peralihan halaman).

Kisah pembukaan Melaka memperlihatkan kekaguman Sultan Iskandar Syah terhadap flora dan fauna setempat. "Maka titah sultan Iskandar Syah, "Baik tempat ini. Sedang pelanduknya lagi gagah. Baik kita perbuatkan negeri" (Tun Sri Lanang 2017: 49). Manakala nama Melaka itu sendiri diabadikan daripada nama pokok tempat baginda berteduh. "Maka titah Sultan Iskandar Syah, "Apa nama kayu tempat kita berdiri ini?". Maka sembah orang sekalian, "Melaka namanya kayu ini". Maka titah Sultan Iskandar Syah, "Jika demikian Melakalah nama negeri ini" (Tun Sri Lanang 2017: 49).

Hutan Melaka, sebelum kedatangan manusia secara besar-besaran, didominasi oleh dua jenis spesies kayu utama iaitu meranti merah dan keruing (Whyte et al. 1982). Namun kedua-dua spesies ini tidak dinyatakan oleh teks. Selain pokok Melaka yang menjadi asal usul nama Melaka, sejenis lagi pohon balak yang dinyatakan oleh teks ialah kulim. "Adapun rasuk istana itu kulim, sehasta lebarnya, sejengkal tiga jari tebalnya" (Tun Sri Lanang 2017: 84).

Selain hutan tebal, teks juga menggambarkan Melaka mempunyai kawasan berpaya dan berduri. Tun Sri Lanang tidak menghuraikan dengan lanjut mengenai kawasan berduri ini. Hal ini berdasarkan kisah gajah milik Sultan Mansur Syah yang terlepas

ke dalam kawasan yang amat sukar untuk diakses oleh manusia. “Jikalau orang bertemu dengan gajah itu dalam paya atau dalam duri maka tiada dapat terambil” (Tun Sri Lanang 2017: 91). Kawasan ini adalah bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Whyte et. al (1983: 90): “*In low-lying areas the rain-forest association passes locally into freshwater swamp-forest whose dense undergrowth of palms, pandanus, and thorny plants can be all but impenetrable*”.

Fauna yang paling mendapat perhatian penyurat ialah gajah dan kuda, kerana keduanya merupakan haiwan yang dimiliki oleh para raja/sultan Melaka. Gajah mempunyai dua fungsi utama iaitu bagi tujuan pengangkutan rasmi raja/sultan dan juga digunakan semasa peperangan. Teks menceritakan: “Bermula jikalau raja bergajah, Temenggung di kepala, Laksamana atau Seri Bija Diraja di buntut” (Tun Sri Lanang 2017: 54) contohnya, semasa perang dengan Feringgi, Sultan Ahmad Syah (sultan Melaka yang ke-9 dan terakhir) telah menaiki gajahnya untuk keluar berperang. “Maka Sultan Ahmad pun keluarlah naik gajah, Jituji namanya” (Tun Sri Lanang 2017: 166). Tetapi teks tidak memperincikan sama ada gajah-gajah ini merupakan gajah tempatan ataupun diimport dari tempat lain seperti Siam contohnya.

Seperti mana gajah, kuda juga seringkali dikaitkan dengan kerabat diraja. Kuda digunakan lebih kepada tujuan rekreasi berbanding peperangan. “Sekali persetua Raja Ahmad dan Raja Muhammad pergi bermain kuda” (Tun Sri Lanang: 95). Namun begitu kuda bukanlah haiwan semula jadi di Semenanjung Tanah Melayu. Berkemungkinan besar ianya telah diimport dari tempat lain dan kehadiran haiwan asing ini mungkin sedikit sebanyak memberi impak terhadap ekosistem Melaka. Selain gajah dan kuda tersebut, terdapat juga haiwan liar lain yang boleh ditemui dalam teks contohnya rusa dan kerbau jalang yang menjadi pilihan para pemburu. Namun pada era Sultan Mahmud Syah (sultan Melaka ke-8), aktiviti pemburuan ini kadang kala tidak membuahkan hasil (Tun Sri Lanang 2017).

Gambaran mengenai sungai dilihat tidak begitu banyak dibincangkan dan ditulis jika dibandingkan dengan lautan. Hanya terdapat beberapa contoh yang ditemui dalam teks, antaranya Tun Sri Lanang menggambarkan sungai sebagai tempat sultan bermain. “Bermula jika Sultan Mahmud Syah akan berangkat dan berkayuh-kayuh.” (Tun Sri Lanang 2017: 125). Seterusnya, sungai dijadikan tempat untuk para perompak melarikan diri semasa dikejar

oleh Sultan ‘Alauddin: “Setelah datang ke hujung jambatan dibunuh pula seorang; yang tiga orang lalu terjun kepada air lalu berenang ke seberang” (Tun Sri Lanang 2017: 112).

Teks secara tidak langsung menunjukkan pantai Melaka sebagai landai dan luas, seperti dalam kisah pengislaman Sultan Muhammad Syah. “Maka turunlah makhdum dari dalam kapal itu, Sidi Abdul Aziz namanya, lalu sembahyang di pantai itu.... Maka berebutlah orang melihat dia, sesak belah, penuh tiada bersela lagi dan haru- biru bunyinya” (Tun Sri Lanang 2017: 50).

Ini berbeza dengan gambaran pantai Batu Pahat, Johor yang berhutan bakau. “Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon bakau dan pohon nyirih dan pohon api-api dan segala pohon kayu itu sekaliannya ditambatinya puntung api” (Tun Sri Lanang 2017: 66). Oleh itu ia bertepatan dengan data yang diberikan oleh Andaya dan Andaya (1982) yang mengatakan bahawa pantai Melaka bebas dari hutan bakau, setidak-tidaknya di sekitar pantai kota Melaka. Maka ia amat sesuai untuk dijadikan kawasan pelabuhan.

Cara Tun Sri Lanang menggambarkan kawasan bergunung-ganang dapat dilihat dalam kisah peminangan Puteri Gunung Ledang bagi pihak Sultan Mansur Syah. Perjalanan ke Gunung Ledang disifatkan sangat sukar, kerana jalan perlu ditebas terlebih dahulu sebelum boleh dilalui oleh manusia. Perjalanan memakan masa beberapa hari untuk sampai ke kaki gunung tersebut. Tahap kesukarannya amat tinggi sehinggakan tidak semua ahli ekspedisi tersebut mampu meneruskan pendakian. “Maka sekalian naiklah ke Gunung Ledang. Baharu kira-kira setengah naik gunung itu, angin pun terlalulah keras. Maka tiadalah dapat ter naik oleh orang itu. Syahadan jalan naik itu pun terlalu sukar” (Tun Sri Lanang 2017: 101).

Seterusnya, Tun Sri Lanang menceritakan terdapat rumput buluh perindu di gunung tersebut, yang mengeluarkan bunyi merdu sehinggakan burung berhenti terbang dan segala mergastua kesemuanya hairan dan tercengang. Manakala di puncak gunung tersebut mempunyai taman, yang dihuni oleh Puteri Gunung Ledang (Tun Sri Lanang 2017). Meskipun kisah ini merupakan sebuah mitos, namun sedikit sebanyak ia memberikan maklumat tentang bagaimana Tun Sri Lanang memahami keadaan fizikal, flora dan fauna serta cuaca di kawasan pergunungan. Menurut *Johor National Parks*, Gunung Ledang dikenali juga dengan nama Cina, “*Kim Sua*” yang bermaksud Gunung Emas.

Nama lain bagi gunung ini ialah Gunung Ophir. Gunung Ledang berketinggian 1,276 meter dan pendakian ke puncak memakan masa setengah hari dan bukanlah satu pendakian yang mudah.

Berkenaan dengan cuaca di Melaka pula, teks menceritakan para juru bina/arkitek istana Sultan Mansur Syah dengan kebijakannya telah memanfaatkan sinaran cahaya matahari yang terik bagi menaikkan lagi nilai estetik mahligai tersebut. “Adapun segala tingkap istana itu dicap dengan air emas, kemuncaknya kaca merah. Apabila kena sinar matahari bernyalalah rupanya seperti api. Maka dinding itu pun sekaliannya berumbai-umbai, maka ditampalnya cermin Cina yang besyar-besyar. Apabila kena panas matahari bernyalannya rupanya, kilau-kilauan, tiada dapat behena dipandang orang” (Tun Sri Lanang 2017: 84).

Malangnya istana tersebut telah musnah dalam kebakaran. Punca kebakaran istana tersebut jika diteliti boleh juga dikaitkan dengan fenomena alam. “Hatta berapa lamanya maka dengan takdir Allah Ta’ala maligai itu pun terbakar, tiba-tiba di atas kemuncak maligai itu api” (Tun Sri Lanang 2017: 85). Berdasarkan keterangan teks tersebut, berkemungkinan besar kebakaran adalah disebabkan oleh panahan petir, kerana ia bermula di kemuncak istana, dan bukannya di bahagian lain.

Menyentuh sedikit mengenai impak penempatan manusia di Melaka terhadap alam sekitar. Teks secara keseluruhannya tidak menceritakan sebarang bencana alam dan musibah besar yang boleh dikaitkan dengan aktiviti manusia seperti banjir besar, tanah runtuh, kemarau panjang dan sebagainya pernah berlaku dalam kesultanan tersebut. Oleh itu, lebih baik untuk mengatakan bahawa tahap pembangunan fizikal serta aktiviti penebangan hutan pada era tersebut adalah pada tahap minimum dan tidak sampai ke tahap merosakkan alam sekitar. Ini mungkin disebabkan faktor hutan yang masih terlalu luas dan tebal, serta penggunaan kayu-kayan hanya pada peringkat domestik sahaja. Impak minimum ini berlaku meskipun para pembalok Melaka sudah mempunyai kepakaran dan teknologi untuk menebang balak yang sebesar pemeluk, contohnya istana Sultan Mansur Syah “besar tiangnya sepemeluk” (Tun Sri Lanang 2017: 84).

Konflik di antara manusia dan haiwan liar juga tidak dinyatakan oleh si penyurat Sejarah Melayu seperti kisah manusia dibaham harimau ataupun buaya dan sebagainya. Namun jika dirujuk pada fasal ke-15 Undang-Undang Melaka, menunjukkan adanya isu kerbau diserang dan dibunuh oleh

harimau. Teks menjelaskan: “Adapun jikalau dipinjam kerbau itu, ditaruh ia pada kendang, hampir rumah, maka ditangkap oleh harimau itu, maka mati, maka diganti setengah harga, karena tiada tiada taksirnya lagi. Jikalau jauh kendang itu, kena harga sepenuhnya kerbau itu” (Undang-Undang Melaka: 43). Manakala fasal ke-21 Undang-undang Melaka memperuntukkan hukuman kepada tuan punya kerbau yang menanduk orang ramai sehingga mati atau luka dan cedera (Undang-Undang Melaka). Ini cukup untuk dijadikan bukti bahawa terdapatnya konflik antara manusia dan haiwan pada masa tersebut.

Namun begitu, kajian yang melibatkan pelbagai disiplin ilmu seperti arkeologi, geologi, sejarah dan sebagainya adalah perlu untuk dilakukan bagi mencari bukti dan kesimpulan yang lebih kukuh terhadap sebarang impak kepada alam sekitar tersebut.

## 2. Populasi, Penempatan dan Pertanian

Berdasarkan teks, populasi Melaka pada zaman kemuncaknya mencecah angka 19 laksa (1 laksa bersamaan 100,000 (Mohd Koharuddin 2012). Ianya mencecah angka 1.9 juta orang dan angka ini boleh dikatakan agak besar.

“Adapun akan negeri Melaka pada ketika itu terlalu sekali ramainya; segala dagang pun berkampung. Maka dari Air Leleh datang ke Hulu Muar pasar tiada berputusan lagi, dari sebelah Kampung (Keling) lalu ke Kuala Penajuh tiada berputusan. Jika orang pergi-pergian datang ke Jugra tiada membawa api lagi, barang ke mana ia berhenti di sana adalah rumah orang. Demikianlah kebesaran Melaka; pada zaman itu rakyat di dalam negeri Melaka juga sembilan belas laksa banyaknya, lain daripada rakyat segala teluk rantau dan segala jajahan Melaka”

(Tun Sri Lanang 2017: 155).

Masyarakat Melaka terdiri dari pelbagai etnik (hanya disebutkan beberapa contoh di sini). Selain Melayu, etnik lain yang paling dominan ialah Keling/India. Etnik ini begitu signifikan kerana mereka terlibat aktif dalam politik Melaka. Contohnya: “Maka tersebutlah ada seorang Keling diam di Melaka jadi syahbandar, Raja Mendeliar namaya” (Tun Sri Lanang 2017: 158). Selain itu terdapat juga etnik Cina, yang dititahkan oleh Sultan Mansur Syah untuk menetap di kawasan berbukit. “Maka segala menteri Cina yang lima ratus itu disuruh diam di Bukit Cina; itu pun maka dinamai Bukit Cina datang sekarang, ia berbuat perigi di Bukit Cina” (Tun Sri Lanang 2017: 88). Etnik Campa pula dikatakan tiba semasa era Sultan Mansur Syah: “Maka Syah Indera

Berma dijadikan Sultan Mansur Syah, menteri. Terlalu sangat dikasihi oleh baginda akan Syah Indera Berma. Itulah asal Campa Melaka” (Tun Sri Lanang 2017: 108).

Berdasarkan angka populasi yang agak besar tersebut, sudah tentu Melaka memerlukan kawasan yang luas bagi membangunkan infrastruktur yang diperlukan bagi menampung keperluan asas penduduk dari segi ekonomi, sosial dan sebagainya. Antara data yang menarik perhatian dalam teks tersebut ialah kewujudan banyak kampung-kampung termasuk yang dihuni oleh pedagang asing.

Selain itu, terdapat juga perkampungan yang dikaitkan dengan para pembesar contohnya Kampung Bendahara, Kampung Laksamana dan Kampung Temenggung. Ini bermakna para pengikut dan anak buah kepada seseorang pembesar tersebut akan berkumpul dan membuat penempatan sesama mereka. Menurut Muhammad Yusoff (2015: 277): “Sejarah Melayu memberikan pertanda tentang kewujudan kampung ini secara umumnya, iaitu apabila terdapat sebuah balai di sesuatu kawasan penempatan”. Contoh balai yang boleh ditemui di dalam teks: “Sekali persetua Bendahara Seri Maharaja duduk di balainya sendirinya, diadap oleh orang” (Tun Sri Lanang 2017: 136). Selain dari perkampungan pembesar tersebut, rakyat jelata juga dilihat bebas untuk menginap di mana mereka suka.

Sebagai sebuah kesultanan, mercu tanda utama di Melaka sudah tentu kompleks istana para raja/sultan. Pembinaan kompleks kediaman dan bangunan yang diperlukan oleh raja/sultan ini amat penting bagi melicinkan pentadbiran dan juga bagi memenuhi nafsu material para raja/sultan tersebut. Teks telah memperincikan tentang keagungan istana milik Sultan Mansur Syah (Sultan Melaka ke-6). Teks menceritakan: “Besar istana itu tujuh belas ruang, ruangnya tiga-tiga depa, besar tiangnya sepemeluk, tujuh pangkat, kemuncaknya pun tujuh” (Tun Sri Lanang: 84).

Seterusnya, Sultan Mansur Syah dikatakan mempunyai dua buah istana (kedua-duanya dihasilkan daripada kayu). Setelah istana lama terbakar, baginda telah menitahkan untuk membina sebuah istana baharu, yang dikatakan jauh lebih gagah dan lengkap daripada yang sebelumnya. Teks menggambarannya seperti berikut:

“Maka orang Ungar{an} dan orang Sugal berbuat istana, sertanya orang Bentan Karangan beramu akan dia, orang Pancur Serapung berbuat balairung, orang Buru balai mendapa, orang S(y)oyar berbuat dia balai itu, (balai) apit pintu yang dari kanan, orang Sudar berbuat dia, balai apit pintu yang di kiri itu, orang Sayung berbuat dia kendang, orang Apung berbuat dia

(danu) gajah, orang Merbau berbuat dia penanggahan, orang Sawang berbuat dia danu pemandian, orang tungkal berbuat dia danu masjid, orang Tentai berbuat dia pintu pagar istana, orang Mu{da}(ar) berbuat dia danu kota wang”

(Tun Sri Lanang 2017: 86).

Menurut Muhammad Salleh (2017: 318), perkataan “danu” yang digunakan oleh Tun Sri Lanang dalam teks tersebut bermaksud kolam atau tasik namun saiznya tidak dapat dipastikan dengan tepat. Di samping itu, terdapat juga kolam takungan najis yang dipanggil sebagai pelindungan. Teks menceritakan: “Hatta sekali persetua, kuda baginda, kenaikan raja, jatuh di pelindungan.... Setelah dilihat oleh Hang Tuah perihal demikian itu maka ia pun segera terjun ke dalam pelindungan itu” (Tun Sri Lanang 2017: 80).

Selain menonjolkan kepakaran juru bina Melaka pada era tersebut, kewujudan kolam takungan najis ini menunjukkan masyarakat Melaka mempunyai kefahaman tentang konsep asas kebersihan iaitu najis perlu dikumpulkan di suatu tempat takungan khas, dan tidak hanya disalurkan ke sungai atau sebagainya.

Proses pembangunan dilihat berlaku pantas. Malah pada era Sultan Muhammad Syah (Sultan Melaka ke-3), Melaka sudah dianggap sebagai sebuah kesultanan yang besar, masyhur dan sudah mampu menampung kehadiran para pedagang antarabangsa untuk berkampung. Sebagai sebuah kerajaan Islam, masjid utama berada dalam kompleks atau menjadi sebahagian dari kompleks istana. Manakala infrastruktur fizikal lain seperti jalan perhubungan darat, pasar, pelabuhan dan sebagai dilihat mampu menampung perkembangan sosio ekonomi Melaka (Tun Sri Lanang 2017).

Beralih kepada aktiviti pertanian di Melaka, teks Sejarah Melayu tidak menceritakan mengenai bidang pertanian secara khusus dan langsung. Namun kewujudan gelaran “Orang Kaya-kaya” dalam teks menunjukkan bahawa mereka mempunyai kedudukan ekonomi yang tinggi, termasuk dikurniakan tanah oleh raja/sultan untuk diusahakan bagi tujuan pertanian atau penternakan (Muhammad Yusoff 2015). Boleh dikatakan bahawa terdapat ramai golongan lelaki bangsawan yang memakai gelaran Orang Kaya-kaya ini. Mereka pada kebiasaannya merupakan anak atau saudara terdekat kepada para pembesar Melaka yang tidak mendapat kuasa politik. Untuk menjaga hati dan mengekalkan taraf kebangsawanan mereka, maka raja/sultan pada kebiasaannya akan mengurniakan tanah kepada mereka (Muhammad Yusoff 2015).

Contohnya: “Maka Hang Hasan Cengang berdatang sembah pula ia, sembahnya, “Ya tuanku, patik hendak mohonkan kerbau barang dua tiga belas ibu dan dusun dua (tiga) belas bidang.” Itu pun dianugerahi baginda” (Tun Sri Lanang 2017: 126).

Terdapat juga bukti masyarakat Melaka mempunyai dusun (buah-buahan), seperti dalam kisah Hang Tuah yang telah dipasung oleh Seri Nara al-Diraja dalam sebuah dusun (milik beliau sendiri). “Maka disuruhnya sembunyikan oleh Seri Nara al-Diraja pada satu dusun, dipasungnya” (Tun Sri Lanang: 81).

Menurut Ahmad Jelani (2021), penduduk Melaka secara asasnya tidak mahir bertani dan Melaka tidak menghasilkan bekalan beras yang banyak dan mencukupi. Sebahagian besar rakyat Melaka lebih cenderung melakukan kegiatan di laut seperti menjadi nelayan dan berlayar. Selain beras, makanan ruji penduduk Melaka pada waktu itu ialah sagu, yang dihasilkan dari pohon rumbia, dan mudah didapati dan tumbuh meliar di sekitar pantai dan sungai. Beras pula diimport dari Siam dan lebih kepada kegunaan warga asing khususnya orang Cina, India dan Jawa yang menetap dan berdagang di Melaka. Dengan polisi perluasan tanah jajahan oleh para raja/sultan Melaka, sedikit sebanyak tanah jajahan takluk tersebut menyumbang kepada keperluan makanan penduduk Melaka. Haryati et al. (2022) bersetuju bahawa ekonomi Melaka tidak bergantung kepada pertanian, tetapi lebih kepada perdagangan.

Meskipun pertanian dan penternakan dilihat tidak begitu signifikan di Melaka, namun dalam teks Undang-Undang Melaka terdapat fasal khas berkaitan pertanian dan penternakan bermula pada fasal ke-19: “Fasal yang kesembilan belas pada

menyatakan hukum segala buah-buahan dalam kampung orang atau dalam kota negeri” (Undang-Undang Melaka: 51). Seterusnya: “Fasal 20 pada menyatakan tanah perhumaan. Adapun tanah itu atas dua bagi, suatu tanah hidup, kedua tanah mati” (Undang-Undang Melaka: 53). Dan: “Fasal 21 pada menyatakan hukum kerbau dan lembu yang nakal itu” (Undang-Undang Melaka: 54).

Hill (1983) berpendapat, walaupun Melaka tidak terkenal dengan aktiviti pertaniannya, namun kewujudan undang-undang ini menunjukkan wujudnya tanah yang digunakan bagi tujuan pertanian yang luasnya mencukupi bagi dibuat satu undang-undang mengenainya. Namun Hill menambah lagi, meskipun undang-undang tersebut dilihat menggalakkan aktiviti pertanian dan penternakan, walau bagaimanapun, aktiviti tersebut tetap dianggap tidak begitu meluas disebabkan beberapa faktor terutamanya tanah yang tidak begitu subur dan cuaca yang panas.

Berdasarkan teks undang-undang ini, dapat dilihat rakyat biasa juga dibenarkan oleh raja/sultan untuk memiliki hak ke atas tanahnya. “Hatta dusunnya atau kampung tinggal. Maka diambil orang kampungnya | itu atau dusunnya, itu pun dapat dida'wa oleh tuannya, karena haknya (Undang-Undang Melaka: 52-53). Hill (1983) menambah lagi, hubungan di antara pemilik tanah dengan raja/sultan dan juga cukai tanah dilihat kabur dan tidak dinyatakan dalam undang-undang tersebut.

### 3. Jarak dan Arah Mata Angin

Terdapat banyak nama negara/negeri dan tempat yang disebutkan dalam teks. Paling jauh ke barat ialah Feringgi/Portugal manakala paling jauh ke timur ialah Benua China. Lihat jadual 1 di bawah:

JADUAL 1. Nama negara/negeri/tempat yang disebutkan dalam teks berdasarkan era raja/sultan memerintah.

Perkara: Era Raja/Sultan:	Nama Negara/negeri/tempat	Halaman
1.Sultan Iskandar Syah	Temasik, Muar, Biawak Busuk, Kota Buruk, Setang Ujung, Menteri, Bertam, Melaka.	48-49
2.Raja Kecil Besar	tiada	49
3.Raja Tengah/Sultan Muhammad Syah	Jeddah, Pasyai, Rokan, Beruas Ujung, Terengganu, Hujung Karang, Pahili (Benua Keling).	49-58
4.Raja Ibrahim/Sultan Abu Syahid	Negeri atas angin (tidak dinyatakan namanya).	58-60
5.Raja Kasim/Sultan Muzaffar Syah	Kelang, Benua Siam, Batu Pahat, Benua Keling, Maja Pahit, Pasyai, Tanjung Jati,	60-70
6.Raja Abdul/ Sultan Mansur Syah	Maja Pahit, Tanjung Pura, Bukit Seguntang Mahameru, Inderagiri, Palembang, Jambi, Tungkal, Lingga, Jawa, Siantan, Ulu Sepantai, Ungar{an}, Sugai, Bentan, Pancur Serapung, Buru, S(y)oyar, Sudar, Sayung, Apung, Merbau, Sawang, Tungkal, Tentai, Mu{da}(ar), Benua China, Berunai, Pahang, Siak, Pagar Ruyung, Arab, Haru, Mengkasar, Pasai, Tanjung Batu, Gunung Ledang, Campa.	70-109
7.Raja Raden/Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah	Maluku, Terengganu, Pahang, Siak, Haru, Pasai, Pengkalan Dungun, Kampar, Pagar Ruyung Pekan Tuha.	109-122
8.Raja Mamat/Sultan Mahmud Syah	Singa Pura, Pasai, Berunai, Kampar, Pahang, Surabaya, Kedah, Inderagiri, Lingga, Benua Keling, Air Hitam, Campa, Kota Maligai, Pa'Tani/Patani, Ligor, Sungai Raya, Batu Pahat, Feringgi/Portugal, Goah, Batu Sawar.	122-164
9.Sultan Ahmad Syah	Kayu Ara, Tanjung Keling, Lubuk Cina, Portugal, Goah.	164-168

Secara umumnya, Tun Sri Lanang tidak memberikan maklumat yang lengkap di manakah letaknya negara, negeri atau tempat yang disebutkan dan jaraknya dari Melaka. Sebagai contoh Tun Sri Lanang tidak mengatakan bahawa Pahang terletak di timur Melaka. Istilah jarak yang digunakan oleh Tun Sri Lanang adalah bersifat subjektif. Contohnya: "Setelah berapa lamanya di jalan maka sampailah ke Benua China" (Tun Sri Lanang 2017: 86). Dan: "Telah berapa hari lamanya di jalan sampailah ke kaki Gunung Ledang" (Tun Sri Lanang 2017: 101). Berdasarkan pemerhatian terhadap teks, terdapat juga konsep masa yang tepat telah digunakan oleh Tun Sri Lanang seperti tahun seseorang raja bertakhta.

Contohnya: "Adapun akan Sultan Iskandar Syah di Singa Pura kerajaan baginda baharu tiga taun" (Tun Sri Lanang 2017: 49).

Penggunaan arah mata angin seperti timur, barat, utara dan selatan pula amat sukar untuk ditemui. Namun ia bukanlah bermakna masyarakat Melayu pada ketika itu tidak memahami istilah tersebut. Terdapat juga contoh penggunaan istilah barat dan timur dalam teks: "Arah dari barat sehingga Beruas Ujung, arah timur hingga Terengganu Hujung Karang. Maka masyhurlah dari bawah angin hingga ke atas angin bahawa negeri Melaka terlalu besyar" (Tun Sri Lanang 2017: 55).



Istilah yang lebih popular yang digunakan oleh Tun Sri Lanang ialah “atas angin” dan “bawah angin”. Menurut Rivers (2005), istilah negeri “bawah angin” ini merujuk kepada Semenanjung Tanah Melayu dan juga Sumatera (bermula dari sekitar Palembang ke utara). “Atas angin” pula bermaksud tempat yang berada di Barat Selat Melaka. Penggunaan istilah ini dipengaruhi oleh Arab/Parsi. Seterusnya Rivers (2005) mencadangkan bahawa istilah atas angin ini melibatkan mana-mana kawasan yang berada di utara Melaka, tidak kira sama ada di sebelah barat ataupun timur.

Contohnya: “Hatta berapa lamanya datang sebuah kapal dari atas angin” (Tun Sri Lanang 2017: 58). Dan: “Maka masyhurlah kebesaran negeri Melaka dari atas angin, datang ke bawah angin” (Tun Sri Lanang 2017: 96). Selain itu istilah “matahari hidup” (timur) dan “matahari mati” (barat) juga digunakan. “Jikalau kamu tiada beroleh menghadap matahari mati, pindahlah kamu kepada tempat lain”. Maka diberi oleh Phra Cau pada tempat yang lain, menghadap ke matahari hidup.” (Tun Sri Lanang 2017: 69).

Bagi bidang pelayaran pula, para pelayar Melaka pada masa tersebut perlu menunggu datangnya musim (peralihan arah tiupan angin) bagi melakukan pelayaran, sama ada untuk keluar atau pulang ke Melaka. “Hatta datanglah musim akan pulang” (Tun Sri Lanang 2017: 88). Berbanding cuaca di daratan Melaka yang dilihat stabil, aktiviti pelayaran adalah sebaliknya. Teks menggambarkan terdapat peristiwa yang melibatkan para pembesar Melaka berhadapan dengan situasi cemas dan bencana di laut. “Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun berlayarlah ke Benua Cina. Maka dengan takdir Allah Ta‘ala angin besar pun turun. Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun bias ke Berunai” (Tun Sri Lanang 2017: 88). Malah, leluhur kepada raja/sultan Melaka iaitu Seri Tri Buana juga hampir kehilangan nyawa akibat dilanda ribut di perairan Temasek. “Maka Seri Tri Buana pun naik ke perahu lalu menyeberang. Setelah datang ke tengah laut maka ribut pun turunlah, kenaikan itu pun keairan” (Tun Sri Lanang 2017: 24).

## KESIMPULAN

Teks Sejarah Melayu RAS Raffles Malay 18 telah memberikan maklumat kepada para pengkaji dan pembaca mengenai geografi dan alam sekitar di Melaka. Tun Sri Lanang telah membawa minda dan imaginasi para pembacanya ke kawasan hutan tebal, gunung-ganang, sungai dan lautan termasuk flora dan faunanya dengan memberikan gambaran yang agak boleh dipercayai. Bagi populasi penduduk pula dikatakan mencecah angka hampir dua juta orang, manakala penempatan dilihat dipisahkan berdasarkan darjat keturunan dan etnik. Penempatan ini dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti jalan perhubungan darat dan air, pasar-pasar dan sebagainya. Pertanian pula, meskipun dilihat tidak signifikan dan bukanlah keutamaan di Melaka, namun dilihat sedikit sebanyak mampu menyumbang terhadap keperluan makanan masyarakat. Teks menggambarkan Melaka mempunyai hubungan geopolitik yang rumit dengan dunia luar. Kedudukan dan jarak di antara Melaka dan negara/negeri atau tempat yang disebutkan dalam teks bukanlah sesuatu yang penting untuk dinyatakan secara tepat. Penggunaan istilah arah mata angin juga agak berbeza dengan apa yang digunakan pada masa kini, namun membawa maksud yang sama.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Ismail. 1998. *Sejarah Melayu The Malay Annals: MS. Raffles No. 18 Edisi Rumi Baru/New Romanised Edition*. Cheah Boon Kheng. *The Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*.
- Ahmad Jelani Halimi. 2021. Perkapalan dan perdagangan di Melaka pada Zaman Kesultanan. Dlm. Azmi Ariffin, Abdul Rahman Ismail, Abu Talib Ahmad. *Kesultanan Melayu Melaka: Warisan, Tradisi dan Persejarahan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. 177-200.
- Andaya Barbara Watson & Andaya Leonard Y. 1982. *A History of Malaysia*. Macmillan Asian Histories Series. Houndmills: Macmillan Press LTD.
- Balwi M.K.M. 2003. Ketamadunan Melayu dan sains: Satu analisis awal ke atas pencapaian masyarakat Melayu dalam bidang sains. *Jurnal Teknologi (Sciences & Engineering)* 47-60.
- Hasan H., Idrus N.H., Zainudin N.F., Abidin N.A.Z. & Noor N.J.M. 2022. Kesultanan Melayu Melaka: Pengasasan dan pengukuhan. *International Journal of Social Science Research* 4(2): 240-250.

- Hill R.D. 1983. The History of Rice Cultivation in Melaka. *Melaka: The Transformation of a Malay capital c. 1400-1980*.
- Hussin N. 2008. Geografi dan perdagangan: Kepentingan selat Melaka kepada perdagangan dunia, Asia dan dunia Melayu 1700-1800. *Akademika* 73(1): 3-26.
- Johor National Parks. 2025. *Gunung Ledang Legenda*.
- Mohd Tarmizi Mahidin  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).  
Universiti kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor  
E-mel: P131334@siswa.ukm.edu.my  
Pengarang koresponden
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).  
Universiti kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor  
E-mel: rosmahwati@ukm.edu.my
- 'Aisyah Kamaruddin  
Pusat Pengajian Pendidikan,  
Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah  
E-mel: aisyahk@uum.edu.my
- Muhammad Salleh. 2017. Pengenalan. Dlm. Tun Sri Lanang. *Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturan Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. Zainal Abidin Borhan. Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. xvii-1vi.
- Muhammad Salleh. 2020. Tamadun laut dan sungai dalam Sulalat al-Salatin dan Hikayat Hang Tuah. Dlm. Muhammad Salleh. *Akal Budi Adikarya Sulalat al-Salatin*. Penerbit Universiti Sains Malaysia. Hlm. 177-203.
- Muhammad Yusoff Hashim. 2015. *Kesultanan Melayu Melaka*. ed. kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rivers P.J. 2005. Negeri below and above the wind: Malacca and Cathay. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*: 1-32.
- Sandhu K.S. & Wheatley P. 1983. Melaka: The transformation of a Malay capital, c. 1400-1980.
- Sutrisno S. 1979. Hikayat Hang Tuah analisis struktur dan fungsi.
- Tun Sri Lanang. 2017. *Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturan Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. Muhammad Salleh. Zainal Abidin Borhan. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wake C.H. 1975. Raffles and the rajas: the founding of Singapore in Malayan and British colonial history. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 48(1 (227): 47-73.
- Yock F.L. & Ahmad H. 2003. *Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut*. Yayasan Karyawan.